

# Pelajar perempuan dominasi IPTA

KOSMO 12/8/14 MS 15.

Oleh MOHD. AFIQ ZULKIFLI  
dan NORAINI HASSAN BASRI  
berita@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** - Trend permohonan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tahun ini amat mengejutkan apabila permohonan perempuan untuk melanjutkan pelajaran lebih ramai iaitu 51,215 orang berbanding permohonan lelaki yang hanya seramai 22,856 orang.



ASMA

Ketua Penganjur Jabatan Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, daripada jumlah permohonan itu, permohonan perempuan juga terus memonopoli tempat di IPTA apabila 26,030 orang berjaya mendapat tawaran belajar di 20 buah IPTA di seluruh negara manakala lelaki hanya 11,437 orang.

“Dasar pengambilan adalah berasaskan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kurikulum tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, negeri dan sebagainya.

“Oleh itu, kejayaan calon bergantung kepada susunan



PERMOHONAN pelajar perempuan melanjutkan pengajian ke IPTA lebih ramai berbanding pelajar lelaki pada tahun ini.

merit dan pemilihan program pengajian di IPTA yang dipohon,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Asma memberitahu, keputusan kemasukan ke IPTA bagi program lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, matrikulasi dan asasi untuk sesi akademik 2014/2015 boleh diketahui hari ini mulai pukul 12 tengah hari melalui beberapa saluran hebahan.

Katanya, saluran-saluran hebahan itu ialah melalui hotline di talian 03-88706767, helpline (03-88706777) atau talian am (03-88706755/6766).

Bagi laman web pula adalah

<http://upu.moe.gov.my>; <http://jpt.utm.my>; <http://jpt.uum.edu.my> atau <http://jpt.unimas.my> manakala melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan menaip UPU RESULT [nombor kad pengenalan] dan menghantarnya ke 15888.

“Semua calon yang berjaya diminta membuat pengesahan setuju terima tawaran oleh IPTA dalam tempoh 10 hari iaitu pada atau sebelum 23 Ogos ini.

“Bagi calon yang gagal pula, mereka boleh mengemukakan rayuan melalui Aplikasi e-Rayuan dalam tempoh 10 hari selepas keputusan rasmi diumumkan hari ini,” katanya.